

Mahathir ingatkan jangan berbohong hanya untuk kepentingan diri

MM 21 MAR 1987

KEMAMAN 20 Mac - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan ahli - ahli UMNO sentiasa berpegang kepada prinsip kebenaran dan jangan sekali - kali berbohong untuk kepentingan diri dan membelakangkan kepentingan parti.

Perdana Menteri berkata, semua ahli hendaklah jangan menyelewengkan kata - kata mereka, sebaliknya hendaklah berpegang kepada kata yang telah disampaikan supaya rakyat tidak berasa curiga atau sangsi terhadap parti dan kerajaan.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Kemaman di sini hari ini beliau berkata UMNO sebagai tunjang kepada kerajaan harus sentiasa berpegang kepada kebenaran kerana ia akan terus menjamin kekukuhan parti.

Menurutnya, UMNO adalah sebuah parti yang penting kerana ia menjadi tunjang kerajaan, memimpin Barisan Nasional dan jika ia lemah BN dan kerajaan juga akan turut lemah.

"Kalau kita berpecah,

Oleh Abdullah Hassan

kita akan terbahagi kepada dua, jadi kerajaan tidak akan tegap dan tidak akan tegas," katanya.

Perdana Menteri menarik perhatian, jika dulu anggota - anggota UMNO menyokong dan mengatakan rancangan - rancangan kerajaan dan dasarnya baik, tetapi sekarang mereka mengatakan sebaliknya, sudah tentu rakyat akan menjadi keliru dan tertanya - tanya.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap anggota - anggota UMNO tidak terpedaya dengan hasutan - hasutan mereka yang berkepentingan diri sendiri untuk mengelak daripada kerugian bagi semua pihak.

Beliau juga mengingatkan ahli - ahli UMNO tidak terlalu ghairah dengan demokrasi tanpa berpegang teguh kepada adat resam orang - orang Melayu.

"Walaupun kita boleh buat sesuatu dalam demokrasi kerana itu adalah

hak kita, tetapi kalau ia boleh merosakkan, lebih baik kita tidak melakukannya," ujar beliau yang juga presiden parti.

Beliau menegaskan, UMNO adalah sebuah parti Melayu dan adat resam orang Melayu mesti ada dalam UMNO.

"Kita demokrasi, ikut suara ramai, tetapi walaupun demikian kita harus berpegang kepada adat resam yang bukan untuk kepentingan seseorang."

"Ini bukan untuk saya, tetapi untuk UMNO demi menjaga perpaduan dan kebaikan parti," katanya.

Beliau menarik perhatian lagi bahawa walaupun bermusuhan, adat resam orang Melayu mempunyai caranya, tidak perlu mengeluarkan kata - kata kesat, dan menghormati orang tua juga mempunyai caranya kerana itu adalah adat dan tradisi.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri menasihatkan ahli - ahli UMNO di Terengganu amnya dan seluruh negara khususnya supaya sentiasa menjaga perpaduan.

Menurutnya, UMNO telah membuktikan perpaduan dan kekuatannya di dalam pilihanraya lalu di mana UMNO menang di semua kerusi yang dipertandingkan.

Dalam ucapannya yang panjang lebar itu, Perdana Menteri juga menyebut perkara - perkara berikut:

- Walaupun orang kata politik itu kotor, ia tidak semestinya kotor kerana orang - orang politik yang mengotorkannya.

- UMNO sebuah parti yang serius, bukan untuk seronok kerana ia bertanggungjawab kepada negara dan semua ahli harus jaga perpaduan dan jangan terperangkap dengan nafsu hingga lupa tanggungjawab.

- Jangan mudah terpedaya dengan orang - orang yang bercakap mengenai pelbagai perkara termasuk projek mewah kerana kalau dikaji didapati mereka mengeluarkan hasutan itu untuk kepentingan diri.